

Hubungan China-ASEAN bawa kejayaan lebih besar

UM-30/10/2006
Daripada AZIZ ISHAK

NANNING 29 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melahirkan keyakinan bahawa kerjasama dan hubungan baik antara China dan ASEAN akan membawa kejayaan lebih besar menerusi pendekatan yang berorientasikan rakyat.

Menurut beliau, tumpuan perlu diberikan kepada usaha tersebut bagi meningkatkan kesedaran rakyat dan penyertaan mereka dalam aktiviti bersama sesuai dengan matlamat kedua-dua pihak untuk memperkukuhkan lagi hubungan.

"Kita menyedari bahawa rakyat adalah ciri penting dalam memupuk integrasi lebih meluas di antara negara-negara," katanya dalam satu wawancara dengan media China yang sedutannya turut disiarkan menerusi televisyen di sini menjelang Sidang Kemuncak Peringatan China-ASEAN ke-15, esok.

Malah kata Perdana Menteri: "Orientasikan rakyat akan menjadi salah satu tumpuan utama dalam jalinan hubungan pada masa depan."

Abdullah juga melahirkan keyakinan terhadap masa depan hubungan China-ASEAN berdasarkan pencapaian memberangsangkan dalam semua bidang kerjasama dan persefahaman berhubung isu-isu kepentingan bersama.

Katanya, ASEAN turut mengiktiraf peranan dan sumbangan China sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Dalam wawancara itu, Abdullah menjelaskan soal hubungan China-Malaysia, cabaran yang dihadapi ASEAN dan isu-isu berkaitan dengan kedua-dua pihak dalam konteks serantau.

Perdana Menteri tiba di sini petang ini bagi menyertai ketua-ketua kerajaan negara ASEAN menghadiri sidang kemuncak dengan pemimpin tuan rumah, Perdana Menteri, Wen Jiabao, esok. Ketibaan beliau disambut oleh Naib Gabenor Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Yan Daoxi.

Turut berada di Lapangan Terbang Nanning ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Duta Malaysia ke China, Datuk Syed Norulzaman Syed Kamarulzaman.

Para pemimpin itu juga akan menghadiri Expo China-ASEAN (Caexpo) ke-3 dan Sidang Kemuncak Bisnes dan Pelaburan China-ASEAN (CABIS) ke-3, yang diadakan sempena sidang kemuncak peringatan tersebut.

Abdullah juga akan mengadakan pertemuan berasingan dengan Wen Jiabao dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo bagi perbincangan dua hala.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa gembira dengan perdagangan dua hala Malaysia-China yang terus mencatatkan aliran peningkatan.

Pada tahun lalu, jumlah dagangan dua

hala mencecah AS\$22.4 bilion berbanding AS\$18.7 bilion pada tahun 2004.

"Kita yakin dapat mencapai sasaran jumlah dagangan dua hala sebanyak AS\$50 bilion menjelang 2020," katanya.

Mengenai peranan China di rantau Asia Pasifik, Abdullah berkata, negara itu tidak perlu dilihat sebagai ancaman kepada mana-mana pihak.

"Malah China yang stabil dan makmur akan memberi manfaat kepada semua pihak terutama dalam pembangunan ekonomi Asia dan rantau lebih luas," katanya.

Ditanya tentang hubungan Malaysia-China, Perdana Menteri menegaskan bahawa hubungan kedua-dua negara akan terus terjalin dengan berteraskan semangat persahabatan, saling mempercayai dan kerjasama yang membawa faedah bersama.

Dalam hubungan ini, kata beliau, pendirian Malaysia terhadap polisi 'satu China' selama ini cukup dihargai oleh negara itu.

Petang ini, Abdullah turut menyaksikan

majlis penyempurnaan projek kompleks membeli-belah Admiral International City di sini yang dibangunkan secara usaha sama antara syarikat Malaysia, Capital Eastern Venture, dengan sebuah syarikat China.

Dalam ucapan ringkasnya, beliau gembira dengan usaha sama itu yang diharapkan dapat diperluaskan oleh sektor swasta dalam mengembangkan sektor ekonomi kedua-dua negara.

Sementara itu, Syed Hamid ketika ditemui wartawan Malaysia di sini berkata, sidang kemuncak peringatan itu mempunyai signifikansi besar kepada masa depan hubungan China-ASEAN.

"Ia cukup penting bagi kedua-dua pihak mengambil kelebihan daripada kekuatan ekonomi China dan potensi besar ASEAN menerusi kerjasama yang lebih erat," katanya.

Menurut beliau, sidang kemuncak itu memberi pemang kepada kedua-dua pihak untuk memperbaharui azam dan meningkatkan usaha meluaskan kerjasama terma-

suk dalam bidang-bidang tumpuan baru. Dalam kaitan ini, beliau berkata, ASEAN mengharapkan lebih ramai rakyat China melancong ke negara-negara ASEAN terutama Malaysia yang akan menganjurkan Tahun Melawat Malaysia 2007.

Begitu juga dalam pelaburan dan pendidikan di Malaysia," katanya.

Perkara-perkara tersebut, katanya, kemungkinan disentuh dalam perbincangan antara Perdana Menteri dan rakan sejawatannya, selain isu antarabangsa termasuk ujian nuklear Korea Utara.

"Kita mahu isu nuklear diselesaikan segera dan ASEAN percaya China boleh memainkan peranan proaktif dalam membantu mencari penyelesaian," kata beliau.

Menurut Syed Hamid, Malaysia lebih suka pendekatan konstruktif berbanding tindakan mengenakan sekatan dan tekanan ke atas Korea Utara yang dikhuatiri boleh memburukkan lagi keadaan.

- Utusan